

GARIS PANDUAN PENYEDIAAN DAN PENYERAHAN BERITA UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)

PENGENALAN

Dalam usaha untuk meningkatkan kecekapan dan kemajuan penerbitan berita di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat (PPKK) akan melaksanakan tugas-tugas penerbitan secara lebih sistematis. Sehubungan dengan itu, kerjasama dan perhatian daripada pelbagai pihak amatlah diharapkan bagi membantu melancarkan lagi proses penerbitan sekali gus dapat mengurangkan kesilapan-kesilapan yang datang daripada pengarang/penulis.

PANDUAN PENYEDIAAN DAN PENYERAHAN BERITA

1. Penulis/pengarang hendaklah terlebih dahulu memastikan penulisan berita mempunyai keterangan yang melibatkan persoalan **Apa, Siapa, Kenapa, Bila, Di Mana** dan **Bagaimana** (teori 5W+1H). Selain itu **Headline** ataupun tajuk perlu diberikan terhadap penulisan berita tersebut.
2. Di akhir penulisan perlulah diletakkan nama penulis/pengarang, Pusat Tanggungjawab (PTj), alamat emel serta nombor telefon untuk dihubungi.
3. Jika berita yang ingin diserahkan tersebut mempunyai impak dan risiko yang tinggi, penulis juga perlu mengisi borang maklumat yang mengandungi butir peribadi seperti nama, pusat tanggungjawab (PTj) dan nombor telefon untuk dihubungi dan pengakuan penulis serta perlu mendapat pengesahan daripada ketua PTj.
4. Contoh berita berimpak tinggi dan berisiko ialah berita yang melibatkan kenyataan daripada orang kenamaan (*public figure*), berita berkaitan kejayaan/pencapaian universiti dan berita tentang penyelidikan atau hasil inovasi.

Rujuk lampiran Borang **UTHM.PPKK/UPP-01/2018**

5. Setiap berita yang ingin diserahkan perlu ditulis menggunakan dua (2) versi bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dan perlu dihantar melalui emel pro@uthm.edu.my atau suriayati@uthm.edu.my.
6. Manakala setiap berita yang diterima akan diproses dalam masa tujuh (7) hari bekerja untuk diterbitkan. Jika melepassi tempoh berikut bermakna pihak editorial tidak menerbitkan berita tersebut atas sebab-sebab tertentu.

7. Penulisan kewartawanan boleh dikategorikan kepada dua iaitu :

a. **Berita**

Penulisan mestilah lebih ringkas dan terus kepada maksud, menekankan kepentingan fakta dan disusun mengikut kepentingan untuk memudahkan pembaca memahami isi. Panjang perkataan mestilah antara 200 hingga 500 patah perkataan, melibatkan 10 hingga 15 perenggan dan akan disunting oleh pihak editorial universiti terlebih dahulu sebelum diterbitkan di *news portal* dan diedarkan kepada akhbar. Rujuk **Lampiran 3**.

b. **Rencana**

Penulisan rencana adalah lebih panjang dengan huraian yang lebih terperinci dan sebaiknya disertakan analisis maklumat, nota kaki, sumber rujukan dan pandangan pengarang. Panjang perkataan mestilah antara 700 hingga 1200 patah perkataan dan akan disunting semula oleh pihak editorial universiti.

Untuk penulisan akhbar, penulis disyorkan menggunakan 700 hingga 850 patah perkataan melibatkan 15 hingga 20 perenggan. Rujuk **Lampiran 4**.

8. Setiap berita yang dihantar perlu disertakan **GAMBAR** berserta dengan *caption* yang membantu menerangkan perihal gambar. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan sesuatu berita itu akan ditolak penerimaannya oleh pihak editorial universiti dan juga pihak akhbar.
9. Gambar mestilah bersaiz sekitar (1024 x 768 px) dengan kapasiti 1 hingga 3 Megabyte (MB) untuk akhbar bersaiz tabloid manakala kapasiti 5MB untuk akhbar selain saiz tabloid. Selain itu gambar mestilah jelas, mempunyai kaitan dengan berita dan perlu dihantar (e-mel) dalam format JPG/PNG bersama penulisan berita (tidak perlu diletakkan bersama dengan penulisan dalam fail MS Word).

Penyediaan Hebahan Media dan Kenyataan Media (Press Release)

Hebahan Media dan Kenyataan Media ialah suatu kenyataan ringkas yang disediakan untuk menyampaikan maklumat (contoh mengenai program/aktiviti, perkhidmatan, produk, pencapaian, individu) yang berguna, tepat dan menarik untuk sebaran media.

Kedua-duanya menuntut penganjur supaya menyediakan lebih awal sebagai hebahan kepada umum. Untuk hebahan awal ini setiap PTj perlu menulis dan menghantar draf seminggu sebelum program/aktiviti/majlis berlangsung untuk tindakan seterusnya oleh pihak editorial.

Hebahan media/kenyataan media perlu mempunyai struktur seperti berikut:

1. **LOGO UTHM**
2. **HEBAHAN / KENYATAAN MEDIA (PRESS RELEASE), UNIVERSITI TUN HUSSEN ONN MALAYSIA (UTHM)** ditulis dalam huruf besar, dihitamkan (bold) dan menggunakan tulisan bersaiz 14.
3. **TAJUK** hendaklah dihitamkan, menggunakan tulisan bersaiz 13 dan ditulis dengan ringkas bersama perkataan yang boleh menarik perhatian.
4. **KANDUNGAN HEBAHAN / KENYATAAN** media mestilah mengandungi jawapan kepada soalan Siapa, Apa, Di Mana, Bila, Kenapa dan Bagaimana (teori 5W+1H). Maklumat dalam perenggan ini mesti berbentuk informatif yang boleh menarik perhatian media (tulisan bersaiz 11).
5. **PERENGGAN TERAKHIR** mempunyai ringkasan hebahan dan disusuli dengan maklumat perhubungan dengan jelas seperti nama, nombor telefon, sekiranya pihak media ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai majlis/program.
6. **TARIKH** perlu diletakkan di bawah sebelah kiri hebahan dan perkataan “dikeluarkan oleh atau Untuk maklumat lanjut, sila hubungi,” (Setelah mendapat pengesahan daripada Editorial Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat). Rujuk **Lampiran 1** dan **Lampiran 2**



Hebahan Media
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

**PROGRAM OUTREACH 2023 ZON SELATAN RAPAT HUBUNGAN DENGAN
MASYARAKAT SETEMPAT**

1. Program Outreach merupakan kolaborasi antara Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang dijalankan secara berkala pada setiap tahun.
2. Pendekatan pada tahun ini agak berbeza kerana ianya bukan sahaja berfokus kepada promosi program akademik semata-mata, malah turut melibatkan program tanggungjawab sosial korporat bersama masyarakat setempat.
3. Program ini bukan sahaja melibatkan penyertaan institusi pengajian tinggi (IPT) sekitar negeri Johor, malahan melibatkan masyarakat setempat terutama di kawasan Parlimen Parit Sulong, Batu Pahat.
4. Penganjurannya bertujuan mempromosikan program akademik yang ditawarkan oleh UTHM khususnya dan institusi pengajian tinggi (IPT) lain umumnya, termasuk Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor (UiTM), Politeknik, Kolej Kemahiran Tinggi Mara, Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara, Kolej Vokasional dan lain-lain dalam negeri Johor.
5. Program ini juga bertujuan mendekatkan diri antara warga IPT dan masyarakat setempat bagi memupuk perasaan bertimbang rasa, prihatin dan muhibah demi kesejahteraan bersama.
6. Ia juga sebagai platform untuk berkongsi ilmu, pandangan, pengalaman dan kepakaran dalam bidang tertentu bersama komuniti sebagai satu elemen pembelajaran sepanjang hayat yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian.
7. Selain pameran bagi mempromosikan program akademik, pelbagai acara turut diadakan antaranya aktiviti senamrobik, gotong royong, program derma darah dan pemeriksaan kesihatan percuma, ceramah Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Ceramah Dana Jaringan Penyelidikan Awam - Swasta (PPRN), pertandingan dekorasi kek, sesi pemindahan ilmu, ceramah kesihatan, perlawanan persahabatan futsal dan turut dimeriahkan dengan foodtruck.

8. Majlis perasmian bakal menyaksikan penyampaian sumbangan daripada pihak Yayasan UTHM kepada golongan berkeperluan, Huawei kepada pihak KPT dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) kepada balairaya terpilih.
9. Turut diadakan, majlis ringkas pertukaran dokumen perjanjian persefahaman (MoU) antara UTHM dan TNB (GSPARK) yang telah menjalin kerjasama dalam penyelidikan dan latihan berkaitan sistem solar fotovolta (PV) serta upacara pelancaran sistem solar bumbung bangunan kampus induk UTHM.

19 Disember 2023

Dikeluarkan oleh :

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
Tel : 07-453 3457/019-758**** Fax : 07-4536548



KENYATAAN MEDIA UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

UTHM KOMITED BANTERAS JENAYAH AKADEMIK DI KAMPUS

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) komited menangani sebarang salah laku integriti di kampus yang melibatkan staf dan pelajar termasuk integriti akademik seperti konflik kepentingan, pemalsuan data dan maklumat, pelanggaran perjanjian dan plagiat agar ianya tidak menjadi barah dalam kalangan warganya.

Menurut Naib Canselor, Profesor Ts. Dr. Wahid Razzaly, UTHM akan mengambil tindakan tegas kepada pelaku yang didapati bersalah kerana terlibat dalam jenayah akademik sehingga boleh memberi reputasi buruk kepada pengurusan akademik mahupun pentadbiran.

Wahid dalam kenyataannya menjelaskan UTHM menyediakan beberapa saluran untuk pelajar dan staf mengemukakan aduan berkaitan jenayah akademik ini. Salah satunya melalui Sistem Saluran Aduan dan Cadangan (SACAD) yang berperanan sebagai portal aduan atau cadangan terus kepada pihak pentadbiran universiti untuk maklum balas dan tindakan segera.

Tambah beliau lagi, aduan salah laku juga boleh dibuat melalui e-mail atau surat rasmi kepada pihak pengurusan tertinggi universiti, pengurusan fakulti atau Pejabat Penasihat UndangUndang, dan aduan tersebut akan disiasat dan ditadbir mengikut tatacara universiti di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surc妖) 2000 [Akta 605] dan Kaedah-Kaedah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009.

UTHM juga amat menitikberatkan aspek etika yang melibatkan kejujuran dan integriti dalam setiap aktiviti penyelidikan dan penerbitan di kampus.

"Pihak kami mengawal selia segala aktiviti bermula dari awal pengurusan geran sehinggalah ke peringkat akhir hasil penyelidikan.

"Ini termasuklah menghormati subjek-subjek penyelidikan, menggunakan dana penyelidikan secara berhemah dan mengiktiraf semua pihak yang terlibat dalam penyelidikan," katanya. Ahli penyelidik melalui 'Garis Panduan Etika Penyelidikan Umum Universiti' ditegaskan untuk mematuhi prinsip akauntabiliti, sahsiah dan profesional yang digunakan di universiti untuk mengelakkan berlakunya penyelewangan dalam setiap penerbitan.

"Bagi melayakkan mereka dimasukkan dalam senarai penulis, para penyelidik juga perlu memberi kredit dan pengiktirafan mengikut keutamaan individu yang memberi sumbangan yang signifikan dalam projek," tambah Wahid.

Kata beliau lagi, UTHM telah pun mewujudkan dan menguatkuasakan ‘Kod Etika dan Integriti Akademik’ sejak tahun 2008 lagi yang menekankan pemberian keutamaan kepada keaslian dan keunggulan karya yang dihasilkan berdasarkan akta hak cipta semasa.

Untuk rekod, UTHM telah pun mempunyai jawatankuasa khas untuk menyiasat aduan berkaitan integriti dan universiti ini tidak akan berkompromi untuk mengambil tindakan tegas jika berlaku jenayah ini di kampus.

2 JULAI 2019

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
 07-4533457 / 019758 ****

CONTOH PENULISAN BERITA SEMASA

Lebih 500 pelajar baharu program diploma lanjut pengajian di UTHM

PAGOH – Lebih 500 pelajar baharu mula mendaftar diri pada 28 Julai 2024 bagi melanjutkan pengajian peringkat diploma di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Jumlah tersebut dijangka akan bertambah dari semasa ke semasa sehingga tamat tempoh pendaftaran.

Pendaftaran yang dibuat secara fizikal itu melibatkan tujuh kursus yang ditawarkan oleh UTHM iaitu Diploma Kejuruteraan Awam, Diploma Kejuruteraan Elektrik, Diploma Kejuruteraan Mekanikal, Diploma Teknologi Maklumat, Diploma Teknologi Kejuruteraan Kimia, Diploma Sains Gunaan dan Diploma Teknologi Animasi.

Kesemua pelajar baharu itu akan mengikuti sesi perkuliahan semester khas sesi 2024/2025 bermula 4 Ogos ini secara bersemuka bertempat UTHM Kampus Cawangan Pagoh.

Terdahulu, mereka perlu mengikuti Minggu Haluan Siswa yang dijadual berlangsung selama enam hari bermula 28 Julai sehingga 1 Ogos ini.

Naib Canselor UTHM, Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim turut menyambut kedatangan para pelajar baharu dan ibu bapa Ketika hari pertama pendaftaran berlangsung.

Turut serta menyantuni mereka, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Shahruddin Mahzan @ Mohd Zin dan Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh, Prof. Madya Dr. Afandi Ahmad.

Dato' Ruzairi mewakili universiti mengucapkan tahniah dan selamat datang kepada kesemua pelajar baharu tersebut.

Beliau berharap mereka dapat menggunakan peluang melanjutkan pengajian di UTHM ini dengan sebaik mungkin sekali gus dapat menjadi kebanggaan kedua ibu bapa serta universiti.

Untuk rekod, program diploma UTHM yang melibatkan tempoh masa pengajian selama dua tahun sembilan bulan itu mendapat pengiktirafan daripada Malaysian Qualifications Agency (MQA) dan Engineering Technology Accreditation Council (ETAC) serta mempunyai kebolehpasaran graduan yang tinggi.

Pelajar program diploma di UTHM mempunyai peluang yang tinggi untuk menyambung pengajian ke peringkat ijazah di universiti ini kerana CGPA yang diperlukan sekurangnya 2.5 sahaja dan tidak perlu bersaing dengan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), matrikulasi mahupun politeknik melalui permohonan Unit Pusat Universiti (UPU).

Selain itu, lebih 10 bantuan kebajikan telah disediakan oleh pihak universiti bagi membantu para pelajar yang memerlukan agar mereka dapat meneruskan pengajian dengan lancar.

[311 patah perkataan]

Ditulis oleh:

Suriayati binti Baharom
Unit Media dan Kewartawanan
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
 suriayati@uthm.edu.my
07-453 3457 / 019-758****

CONTOH PENULISAN RENCANA



(gambar: mugshot berkapasiti 1MB ke atas)

Profesor Madya Dr Afandi bin Ahmad
Penolong Naib Canselor (Perancangan Strategik dan Perhubungan Korporat)
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
[✉ afandia@uthm.edu.my](mailto:afandia@uthm.edu.my) (010-722****)

Lepasan SPM, tempuhi alam baharu dengan penuh kematangan

Usai bergegas ke sekolah tempohari mendapatkan keputusan peperiksaan sijil pelajaran Malaysia (SPM), kini mereka berlumba-lumba mendaki anak tangga gedung pengajian yang lebih mencabar dan besar ertinya. Ada yang membuat keputusan untuk ke universiti awam (UA), politeknik premier, politeknik konvensional/ METR0, kolej komuniti dan ada juga membawa arus perjuangan ke institut latihan kemahiran awam (ILKA) serta kolej swasta selain pusat matrikulasi atau asasi universiti.

Bagi yang memilih meneruskan pengajian ke tingkatan enam yang lazimnya berdekatan dengan rumah, pilihan yang lain umumnya akan membawa diri mereka lebih jauh daripada rumah. Mudahnya, ini akan menyebabkan anak-anak ini berpisah seketika daripada keluarga masing-masing.

Bagi yang sebelum ini pernah tinggal di asrama, berjauhan dengan keluarga tidaklah menjadi perkara yang begitu asing. Tetapi, buat yang pertama kalinya keluar daripada rumah bukan sahaja anak-anak yang sedikit gusar, tidak kurang juga ibu bapa. Dengan cabaran teknologi hari ini, anak-anak yang baru menginjak usia 18 tahun ini jauh lebih mencabar kehidupannya. Mutakhir ini, apabila pelbagai kes salah laku remaja sama ada di peringkat sekolah atau institusi pengajian tinggi yang menggemparkan negara, pastinya berpisah dengan anak-anak akan lebih membimbangkan.

Apabila anak-anak tiada di depan mata, bukan bermaksud mereka lepas bebas. Anak-anak pelajar dan ibu bapa, masing-masing mempunyai tanggungjawab yang mesti dilunaskan sebaiknya. Anak-anak mesti bertanggungjawab kepada diri sendiri walau seperti diberi kunci kebebasan, manakala ibu bapa juga tidak boleh sewenangnya untuk lepas tangan. Agar perjalanan selepas SPM tidak bertemu jalan buntu, di mana sekalipun anak-anak ini melanjutkan pengajian, kebijaksanaan berikut perlu diusahakan.

1. Bijak memilih kawan

Apabila berhijrah ke tempat baharu, antara perkara paling utama ialah berkaitan kebijaksanaan memilih kawan. Kawan ini ada juga yang makan kawan. Memilih kawan bukan bermaksud kita perlu menjadi kera sumbang, tetapi yang lebih utama ialah perlu sentiasa berhati-hati memilih rakan. Rakan itu umpama sebuah cermin yang berperanan memberi teguran demi kebaikan. Hari ini, tidak kurang juga ramai yang ingin berkawan kerana kepentingan. Dampungi kawan-kawan yang ikhlas agar mereka boleh menjadi ganti abang dan kakak sebagai penegur ke arah kebaikan. Carilah rakan yang boleh menjadi pelengkap diri untuk kita terus berseri!

2. Bijak memilih aktiviti

Melanjutkan pengajian selepas SPM membawa anak-anak keluar daripada zon sekolah, yang hampir kebanyakannya ditentukan oleh pihak sekolah. Daripada rumah sukan warna apa yang dianggotai, badan beruniform yang mesti disertai serta kerja rumah apa yang mesti diberikan solusi.

Kini, kebebasan beraktiviti terbuka luas, tanpa paksaan tanpa cengkaman. Yang bijak, akan memilih aktiviti yang boleh menambah nilai diri. Yang tenggelam punca dalam dunia sendiri akan mula berdamping dengan rakan-rakan yang negatif – membesarkan rasa bosan dengan peraturan kolej kediaman, semakin culas dengan kuliah, tidur tidak tentu masa hingga lewat pagi, berpeleseran tidak tentu hala, berkereta atau menyewa kereta ke sana dan sini, taksub dengan media sosial dan pelbagai penyakit kebejatan sosial. Mengapa mereka kelihatan semakin berani? Kerana mereka rasa mereka sudah cukup dewasa!

3. Bijak mengurus masa

Menerusi sistem persekolahan, hampir semua hal dijadualkan dan pelajar hanya perlu mengikutinya sahaja. Loceng berbunyi, beralih kepada mata pelajaran lain. Loceng berbunyi lagi untuk masa rehat dan tamatlah sesi hari ini. Bagi yang mengikuti pengajian peringkat diploma khususnya di UA, semuanya kini jauh berbeza. Jadual kuliah tidaklah sepadat semasa di sekolah. Masa lapang yang berbaki janganlah sampai lupa empunya diri.

Masa senggang tersebut mesti diisi dengan diskusi ilmu dan tindakan menyelesaikan tugasan kuliah, menyiapkan bahan pembentangan, projek berkumpulan dan melakukan persediaan peperiksaan. Masa ini juga mesti dimanfaatkan dengan pelbagai kegiatan yang akan menggilap nilai kemahiran insaniah pelajar, seperti kemahiran berkomunikasi, membuat keputusan, kepimpinan dan banyak lagi. Kegagalan pengurusan masa adalah sangat berkait rapat dengan pengurusan diri dan siapa yang berada di sekeliling kita. Perangkap masa sering membuat kita alpa dan masa yang berharga tidak sesekali menunggu kita!

4. Bijak membuat keputusan

Sebagai seorang yang semakin matang, anak-anak pelajar mesti mempunyai nilai diri yang kuat untuk membezakan perkara yang baik atau tidak. Tidak seperti di sekolah, keputusan yang dibuat banyak dibantu oleh ibu bapa atau guru-guru. Kini, hampir

kebanyakan perkara perlu ditentukan dan diambil keputusan sendiri. Tanpa ibu dan bapa, dampingilah pensyarah-pensyarah dan staf agar mereka boleh menjadi umpama ibu dan ayah kedua, memberi nasihat dan teguran. Masalah banyak berlaku apabila anak-anak pelajar silap membuat keputusan yang lazimnya banyak didorong oleh rakan-rakan, pengaruh rakan begitu kuat! Jika yang positif, mujur jugalah. Yang paling dikhuatiri ialah terdorong dengan keputusan oleh rakan-rakan yang negatif.

5. Bijak mengisi nilai diri

Hari ini manusia semakin jauh dengan nilai agama. Hiburan dan pengaruh teknologi sangat menggila. Dengan Revolusi Industri 4.0 yang menjadi kerangka, semua pihak tidak boleh berpisah dengan telefon pintar, tidak kira yang tua mahupun yang muda. Anak-anak pelajar juga banyak terjerat dengan perangkap aplikasi media sosial yang mengkhayalkan. Jika di rumah tidak semudahnya keluar bertemu entah siapa, kini baru berkenalan di media sosial sudah berani bertemu muka.

Bermula dengan bertemu berdua kononnya untuk menjamu selera, panjang pula langkah dan semakin pelbagai agendanya. Apa mahu kisah, mak dan ayah bukan ada di depan mata. Sebagai perisai, nilai keagamaan mesti menjadi keutamaan. Walau berada jauh daripada pandangan ibu bapa, pastikan solat lima waktu berjemaah sentiasa diusahakan. Al Quran mesti segar bermain di tepi bibir. Percampuran tanpa batasan lelaki dan wanita mesti diberikan batasan. Dengan teknologi menjadi nadi, akhlak adalah bunga diri. Aspek kerohanian mesti diberikan perhatian, biar berguru dan berpedoman, kelak boleh menjadi batu sempadan.

Akhirnya, walau secara fizikalnya anak-anak pelajar mula jauh jaraknya dengan ibu bapa, pastikan hubungan dan ingatan tetap mekar di sanubari. Ibu bapa mesti memiliki mekanisme kawalan agar anak-anak tidak mudah lupa diri. Dengan siapa mereka berkawan walau tidak di depan mata mesti sentiasa diambil pusing.

Luangkan sedikit masa untuk membuat "lawatan mengejut" ke kolej kediaman anak-anak agar mereka tetap rasa ibu bapa sentiasa memerhati. Tindakan ini jangan sesekali dianggap sebagai mengongkong, kerana ini jauh lebih berbaloi daripada akhirnya ibu bapa hanya menerima salinan surat sabitan hukuman ekoran salah laku anak-anak. Ingatlah bahawa laluan di depan yang ada terbentang luas penuh dengan liku dan persimpangan.

Ramai juga yang silap memilih simpang dan akhirnya kecundang. Harga sebuah kematangan perlu dibayar dengan nilai diri, perhatian, keikhlasan dan kejujuran. Jika anak-anak lepasan SPM ini tidak diasuh menghargai kematangan, kita bimbang mereka tidak jumpa jalan pulang!

[1,004 patah perkataan]